

MAHATHIR-DADAH

1978
ALOR STAR, JUNE 17 (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENGINGATKAN HARI INI BAHAWA NEGARA AKAN MUSNAH SEKIRANYA MASALAH PENYALAHGUNAAN DADAH TIDAK DIBASMI DENGAN SEGERA.

KATANYA, PERBUATAN MENYALAHGUNA DADAH AMAT MERBAHAYA BUKAN SAHAJA KEPADA PARA PENAGIH TETAPI JUGA KEPADA NEGARA.

+MASALAH PEYALAHGUNAAN DADAH MALAH ADALAH LEBIH MERBAHAYA DARIPADA BOM DAN SENJATA API YANG DIGUNAKAN OLEH PENGGANAS-PENGGNAS KOMUNIS DI DALAM HUTAN+, TEGASNYA KETIKA MERASMIKAN FORUM BERTAJUK +DADAH MERBAHAYA MEROSAKKAN MASYARAKAT+ DI STADIUM DATUK SYED OMAR DI SINI.

MENURUT TIMBALAN PERDANA MENTERI, KETAGIHAN DADAH AKAN MENDORONG PARA PENAGIH MELAKUKAN APA SAHAJA TERMASUK MENCURI, MEROMPAK DAN MEMBUNUH BAGI MENDAPATKAN WANG UNTUK MEMBELI DADAH YANG MEREKA PERLUKAN.

DI SAMPING ITU MERREKA TIDAK MEMPUNYAI MORAL DAN AKAN BERTINDAK MENGIKUT HAWA NAFSU TANPA MEMIKIRKAN SOAL MASYARAKAT DAN KELUARGA MASING-MASING.

KATANYA, ADALAH DIANGGARKAN ANTARA 150,000 HINGGA 200,000 ORANG RAKYAT NEGARA INI DARI BERBAGAI LAPISAN MASYARAKAT TERLIBAT DENGAN PENYALAHGUNAAN DADAH PADA MASA INI.

SEKIRANYA KEADAAN INI TIDAK DIATASI SEGERA, IA AKAN MEREBAK DENGAN CEPAT DI KALANGAN RAKYAT TERUTAMA GOLONGAN BELIA. —
BERSAMBUNG 1808/BY

££

B599

MAHATHIR-DADAH 2 ALOR SETAR

BELIAU MENEGASKAN MASALAH ITU SEMATA-MATA MENJADI TANGGUNGJAWAB KERAJAAN TETAPI JUGA SETIAP ANGGOTA MASYARAKAT.

KATANYA, SETIAP ORANG HENDAKLAH MEMAINKAN PERANAN MASING-MASING BAGI MENGAWASI DAN MENENTUKAN AGAR ANGGOTA-ANGGOTA KELUARGA MEREKA TIDAK TERLIBAT DENGAN PENYALAHGUNAAN DADAH.

RAKYAT HENDAKLAH MENGANGGAP MASALAH PEYALAHGUNAAN DADAH SEBAGAI MASALAH SOSIAL KERANA IA BOLEH MEROSAKKAN BUKAN SAHAJA PENGHIDUPAN PARA PENAGIH MALAH MENJEJASKAN PERLAKSANAAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN NEGARA. —BERNAMA 1809/BY